

# Jurang ekonomi Melayu melebar

## LKEB perlu bijak laksana strategi perniagaan

Oleh Siti Fatimah Mohamed Anwar

**K**UALA LUMPUR: Lembaga Kemajuan Bandar (LKEB) yang mengambil alih peranan Perbadanan Pembangunan Bandar (UDA) dijangka berdepan cabaran besar untuk meningkatkan penyertaan Bumiputera, terutama orang Melayu dalam bidang perniagaan di bandar.

Ini berikutan nisbah penduduk Melayu di bandar meningkat, selain jurang pemilikan tanah yang besar antara kaum itu dengan masyarakat Cina.

Sehubungan itu, Presiden Yayasan Kajian dan Strategi Melayu, Datuk Dr Mohd Radzi Abdul Latif, berkata bagi memastikan matlamat penubuhannya tercapai, LKEB perlu bijak merencana strategi perniagaan berkesan, selain merapatkan jurang ekonomi Melayu.

"Ini cabaran yang perlu dipikul LKEB, selain memastikan statistik perancangan pemilikan tanah Bumiputera di bandar termasuk komersial dan industri dapat diperbaiki.

"Ia berikutan pada 2005 pemilikan hartanah masyarakat Cina di bandar ialah 71.9 peratus berbanding 11.7 peratus oleh Melayu.

"Peratusan itu adalah berpandukan pecahan empat bidang yang semuanya dimonopoli kaum Cina iaitu perniagaan, perhotelan, pembinaan dan perindustrian," katanya ketika dihubungi *Berita Harian*, di sini, semalam

Mohd Radzi berkata, perangkaan setahun lalu pula menunjukkan kaum Cina menguasai bidang perniagaan iaitu 69.4 peratus berbanding hanya 11.7 peratus orang Melayu.

Katanya, kaum Cina juga mendominasi industri perhotelan negara sebanyak 69.3 peratus berbanding pe-

ngusaha hotel Melayu hanya 14.3 peratus.

"Bidang pembinaan pula kaum Cina ialah 72.6 peratus dan orang Melayu 12.7 peratus, manakala penguasaan bidang perindustrian 70.4 peratus (Cina) dan 4.8 peratus (Melayu)," katanya.

Kelmarin, Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin, berkata Kabinet meluluskan penubuhan LKEB yang bertanggungjawab meningkatkan penyertaan Bumiputera dalam bidang perniagaan di bandar.

Sementara itu, Setiausaha Kehormat Dewan Perniagaan Melayu Malaysia Negeri Selangor (DPMMS), Othman Ismail, berkata penubuhan LKEB mampu memberi manfaat kepada peniaga Bumiputera di bandar jika agensi itu benar-benar bergerak berlandaskan matlamat asalnya.

"Kita mahu LKEB memberi perhatian kepada peniaga Bumiputera tanpa mengira peringkat, termasuk bermodal besar dan sederhana.

"Selain itu ia mesti berupaya mengenal pasti masalah utama termasuk logistik dan infrastruktur yang merencatkan pembangunan ekonomi peniaga Melayu," katanya.

### FAKTA NOMBOR

Jurang ekonomi pada 2005

**71.9%**

Hartanah Cina di bandar

**11.7%**

Hartanah Melayu di bandar